

NIK NUR SYAHIRAH BINTI NIK AB AZIZ
LOT 3259-9,
SIMPANG 3, BATU 6 ¾ GOMBAK
53100 KUALA LUMPUR.

GALERI MEDIA SERBANIK A SDN.BHD.
NO.28, JALAN PAHANG BARAT,
OFF JALAN PAHANG,
53000 KUALA LUMPUR.

08 AUGUST 2024

Tuan/Puan,

PERKARA: NOTIS BERHENTI KERJA

Dengan hormatnya, saya Nik Nur Syahirah Binti Nik Ab Aziz ingin memaklumkan kepada pihak tuan/puan bahawa saya bercadang untuk meletakkan jawatan saya sebagai Kerani Pemasaran di Galeri Media Serbanika Sdn.Bhd. berkuat kuasa pada 08 September 2024. Keputusan ini diambil setelah mempertimbangkan tanggungjawab peribadi yang memerlukan perhatian sepenuh masa saya, khususnya dalam menjaga anak saya yang berusia 9 bulan.

Saya ingin merakamkan penghargaan saya atas peluang yang diberikan untuk bekerja Galeri Media Serbanika Sdn.Bhd. Saya telah memperoleh pengalaman berharga sepanjang tempoh perkhidmatan saya di sini dan amat menghargai sokongan serta bimbingan yang diberikan oleh pihak tuan/puan serta rakan-rakan sekerja.

Saya berjanji akan membantu dalam proses penyerahan tugas dan melengkapkan segala tanggungjawab saya sebelum tarikh akhir perkhidmatan saya. Sekiranya terdapat sebarang perkara yang perlu dibincangkan atau tindakan lanjut yang perlu diambil, sila maklumkan kepada saya.

Sekali lagi, saya mengucapkan terima kasih atas segala peluang dan pengalaman yang telah saya peroleh di sini. Saya berharap agar Galeri Media Serbanika Sdn.Bhd. akan terus mencapai kejayaan dan berkembang maju di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



(NIK NUR SYAHIRAH)